



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 7/2022
29 JULAI 2022 (29 ZULHIJAH 1443H)**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, di atas segala limpah kurnia, inayah dan nikmat-Nya yang diberikan kepada kita semua. Selawat dan salam kepada rasul junjungan, Nabi Muhammad SAW, kaum kerabat Baginda, para sahabat Baginda serta kaum muslimin dan muslimat. Terima kasih diucapkan kepada Timbalan Datuk Bandar, Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis yang sentiasa bersama-sama saya dalam memberikan kerjasama dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Untuk itu, saya menyeru semua warga MBPJ agar mempergiat segala daya dan usaha bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan strategi dan program-program yang telah dirancang. Majlis juga menyahut seruan Kerajaan Negeri Selangor untuk memekarkan kerjasama strategik dengan pemegang taruh (*stakeholders*) Majlis bagi memurnikan iltizam dalam melaksanakan program dan projek untuk kesejahteraan rakyat.

Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan ekspektasi penduduk khususnya penduduk Petaling Jaya. Justeru itu, saya berharap agar perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis adalah yang terbaik dan secara langsung mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Agenda pembangunan modal insan berintegriti tinggi adalah faktor kritikal bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara. Ketersediaan warga kerja berintegriti dan berkemahiran tinggi adalah penting untuk menyokong peralihan semua sektor ekonomi ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan, teknologi dan inovasi.

Tenaga kerja yang berkualiti mampu berdepan dengan cabaran amalan berintegriti tinggi dalam perkhidmatan. Pengurusan insan memainkan peranan penting bagi memudahkan warga kerja yang diberi kepercayaan untuk mengurus jabatan dan agensi serta organisasi sama ada mampu mendapat keuntungan ataupun tidak. Prinsip yang wujud dalam setiap warga kerja mesti dapat membezakan tindakan betul dan salah serta cara memperlakukan tindakan sesama rakan sekerja. Tadbir urus warga kerja yang berkualiti berupaya memandu warga kerja melakukan perkara yang tidak menyalahi tatakelakuan dibenarkan.

Komponen penting dalam kualiti tadbir urus insan seperti kejujuran, integriti, rasa hormat, amanah dan kecemerlangan memaksimumkan nilai positif di kalangan warga kerja. Komitmen Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam berusaha membangunkan kompetensi dan kapasiti semua warga kerja, integriti dan anti rasuah menerusi sistem

pendigitalan, instrumen, program latihan dan kawalan tatatertib akan terus dipergiat dan dipertingkatkan.

Masyarakat pasti akan melihat komitmen tinggi Majlis ini sebagai tekad ke arah tadbir urus unggul dalam memberi perkhidmatan yang telus dan terbaik, memberi imej positif kepada Majlis di sisi pandangan masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Hasrat Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk merencanakan lagi *Child Friendly Cities Initiatives* (CFCI) tercetus apabila Majlis menyediakan *Blueprint "PJ Smart, Sustainable and Resilient 2030"* yang mengandungi 5 halatuju utama iaitu **Alam Sekitar Bersih, Hijau dan Bebas Pencemaran, Habitat Indah dan Berdayahuni, Ekonomi Berdaya saing, Komuniti Mampan dan PBT Berprestasi Tinggi Melalui Penglibatan Komuniti Dalam Pengurusan Bandar.**

Ke arah membangunkan bandar raya berdayahuni dan berdayatahan, Majlis telah mengambil beberapa pendekatan termasuklah mewujudkan persekitaran bandar raya dan komuniti yang selamat, inklusif dan responsif kepada golongan kanak-kanak dan memperkasa kepimpinan dan penglibatan golongan ini sepertimana yang termaktub di dalam "*Un Convention On The Rights Of The Child*".

Komitmen Majlis terhadap inisiatif bandar raya mesra kanak-kanak turut diperkuatkan lagi apabila pada bulan Oktober 2019, MBPJ telah menghantar satu-satunya wakil dari Petaling Jaya dan Semenanjung Malaysia untuk menghadiri "*The First International Child Friendly Cities Summit*" di Cologne, Jerman untuk mempelajari dan membuat perkongsian pengalaman Petaling Jaya dalam inisiatif CFCI di peringkat antarabangsa.

Lanjutan daripada itu, pada bulan November 2019 Majlis telah menjadi bandar raya pertama di Malaysia yang menganjurkan "*Petaling Jaya Child Friendly City Conference*" dengan penglibatan hampir 200 orang kanak-kanak dari seluruh Petaling Jaya dan Negeri Selangor untuk berhimpun selama 2 hari bagi menghasilkan kerangka awal Pelan Tindakan "Bandar Raya Mesra Kanak-Kanak" dengan mengenalpasti isu-isu, masalah, cabaran dan tindakan penyelesaian dari perspektif kanak-kanak.

Semasa conference tersebut juga, MBPJ telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bersama pihak *UNICEF* Malaysia dan mengumumkan penubuhan barisan Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya yang dikenali sebagai "*PJ Child Council*". MBPJ merupakan satu-satunya Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia yang menubuhkan pasukan ini yang bertujuan untuk membentuk satu forum yang dianggotai oleh kanak-kanak berumur 18 tahun dan ke bawah untuk berbincang, mengenalpasti dan merumuskan pandangan dan cadangan mereka ke atas pelaksanaan inisiatif bandar raya mesra kanak-kanak Petaling Jaya.

Sejujurnya, usaha-usaha untuk memperkasa kepimpinan dan penglibatan golongan kanak-kanak di Petaling Jaya bukanlah baru bermula. Malah, sejak tahun 2009 lagi, MBPJ telah melaksanakan beberapa projek dan program yang melibatkan golongan ini, antaranya:

- Projek Pjkita I-Play Park di Damansara Damai
- *PJ International Youth Leadership Camp* (melibatkan penyertaan dari pelajar-pelajar sekolah antarabangsa)
- *PJKita Community Library* di Kg. Lindungan, PJS 6
- Program *Free Breakfast For School Kids* Di Bawah Projek *PJ City Food Bank*

- PJ *Sustainable Community Award* (kategori khas untuk kanak-kanak)
- PJ *City Bus* (perkhidmatan *feeder bus* percuma kepada pelajar sekolah)
- Projek *Occupational, Safety & Health* (OSH) Di SMK Taman Medan

Berdasarkan semua inisiatif-inisiatif tersebut, pihak UNICEF Malaysia telah meletakkan keyakinan yang tinggi terhadap Petaling Jaya untuk menjadi bandar pertama di Malaysia dan menerajui pelaksanaan *Child Friendly City Initiatives* di negara ini dengan melantik Perunding Antarabangsa Development Pathways LTD untuk membantu MBPJ menyediakan Kajian *Situational Analysis : Child Wellbeing For The Child Friendly Cities Initiative In Petaling Jaya* dan *Child Friendly Cities Initiatives in Petaling Jaya Action Plan*.

Dengan terhasilnya 2 dokumen tersebut dan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani bersama pihak UNICEF Malaysia, maka pada 25hb Jun 2022 bersempena dengan Majlis Sambutan Ulangtahun Bandaraya Petaling Jaya Yang Ke-16, MBPJ secara rasminya telah menerima status sebagai **calon bagi *Child Friendly Cities Initiatives (CFCI)*** yang disampaikan oleh Ms. Amanda Bissex, *Representatives for Malaysia UNICEF* dan secara tidak langsung telah mengiktiraf Petaling Jaya sebagai bandar raya pertama di Malaysia yang menerima status tersebut.

Dengan pengiktirafan status yang diberikan, MBPJ meletakkan harapan yang tinggi kepada semua pemegang taruh di Petaling Jaya terutamanya para pemaju, syarikat korporat dan pihak swasta, NGOs, agensi kerajaan dan seterusnya komuniti Petaling Jaya untuk sama-sama berganding bahu dan menyokong usaha-usaha mewujudkan

persekitaran yang lebih kondusif, selamat dan responsif kepada golongan kanak-kanak di Petaling Jaya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Infrastruktur asas seperti jalan merupakan aspek penting kepada pembangunan daerah dan negeri serta mewujudkan jaringan penghubung yang memberi akses kepada pelbagai aktiviti yang memberi manfaat ekonomi dan sosial kepada seluruh rakyat di negeri Selangor. Dalam konteks Majlis, Lebuhraya Persekutuan dan jaringan jalan-jalan protokol sejauh 28 kilometer bermula dari pintu gerbang Kota Darul Ehsan ke Menara Jam MBPJ merupakan '**central spine**' kepada laluan utama yang menghubungkan Kuala Lumpur ke Shah Alam melalui bandar raya Petaling Jaya. Laluan ini menjadi cerminan dan menggambarkan imej Majlis kepada pengguna yang melintasi kawasan pentadbiran Majlis. Sekiranya keadaan tumbuhan dan landskap sedia ada di sepanjang laluan ini tidak diselenggara dengan baik oleh pihak berkaitan, ia akan memberikan gambaran negatif terhadap karektor dan imej Majlis.

Sehubungan itu, Majlis telah merangka satu **Program Transformasi Landskap Di Pintu Masuk Utama** di sepanjang Lebuhraya Persekutuan untuk dilaksanakan secara berfasa di dalam tempoh masa 5 tahun bermula tahun 2023. Melalui program ini, ia akan memberikan imej baharu kepada karektor dan persekitaran bandar raya Petaling Jaya ke arah mencapai matlamat **Petaling Jaya pintar (*smart*), mampan (*sustainable*) dan berdaya tahan (*resilient*) untuk warga Petaling Jaya menjelang tahun 2030**. Untuk maksud itu, Majlis telah memberikan fokus keutamaan untuk menaiktaraf dan membaikpulih landskap lembut (*softscape*) sedia ada di jalan protokol dari Pintu Gerbang Kota Darul Ehsan ke Menara Jam MBPJ dan sembilan (9) pintu masuk utama (*entry point*) secara berfasa seperti berikut :

Fasa Pertama – Persekitaran Dan Pintu Masuk (3 Tahun - 2023 Hingga 2025)

- Menyediakan cadangan rekabentuk pintu masuk utama (*entry point*).
- Menaiktaraf dan membaikpulih landskap lembut (*softscape*) di sepanjang laluan Lebuhraya Persekutuan.

Fasa Kedua – Pembinaan Mercu Tanda (3 Tahun - 2024 Hingga 2026)

- Memperkenalkan mercu tanda yang lebih unik dan menonjolkan identiti terhadap lokaliti yang jelas di sembilan (9) pintu masuk utama ke kawasan pentadbiran Petaling Jaya.

Fasa Ketiga – Penyusunan Papan Iklan (1 Tahun - 2027)

- Menyusun dan mereka semula peletakan papan iklan dengan lebih teratur agar tidak menghalang vista pemandangan bandar raya Petaling Jaya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan Laluan Kontra Bermasa dari Jalan Gasing / Jalan Templer – Lebuhraya Pantai Baru (NPE) (arah selatan) bermula pada 25 Julai 2022 yang lalu. Laluan kontra bermasa ini melibatkan 2 jalan utama iaitu Jalan Gasing dan Jalan Templer, Petaling Jaya. Majlis akan mula mengaktifkan laluan kontra ini bermula pada pukul 5.00 petang sehingga pukul 7.00 malam setiap hari kecuali Sabtu, Ahad, cuti umum dan ketika hujan.

Laluan kontra ini akan bermula dari persimpangan Jalan Gasing - Jalan 5/64 menghala ke persimpangan tiga Jalan Templer – Lebuhraya Pantai Baru (NPE) dan dari persimpangan empat Jalan Templer / Jalan Gasing menghala ke (NPE). Semua pengguna jalan raya dari arah bertentangan (NPE/PJS/Subang) disaran menggunakan lorong tengah/kiri, manakala lorong kanan akan ditutup dari persimpangan (NPE) sehingga persimpangan Templer/ Jalan Gasing dan Jalan Gasing – Jalan 5/64 (arah utara). Pengguna jalan raya dari arah Pusat Bandar Petaling Jaya, Seksyen 52 / Lebuhraya Persekutuan boleh menggunakan laluan kontra ini untuk kelancaran lalulintas.

Para pengguna jalan raya dinasihatkan supaya berhati-hati dan mematuhi papan tanda isyarat yang disediakan di lokasi. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai boleh hubungi Unit Lalulintas di talian 03-79584221 atau e-mel jabatankejuruteraan@mbpj.gov.my

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan terus giat melaksanakan rondaan, pemeriksaan dan penguatkuasaan secara konsisten bagi memastikan kepatuhan undang-undang dikalangan penduduk dan *Stakeholder* di Petaling Jaya. Di antara inisiatif proaktif yang dilaksanakan adalah penguatkuasaan secara bersepadu bagi memastikan tindakan penguatkuasaan lebih efektif dan efisien seiring dengan halatuju *thematic E-Governance City* yang ditetapkan dibawah pelan PJSSR 2030. Di antara rakan kolaborasi yang terlibat adalah seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Pejabat Daerah dan Tanah Petaling (PDT), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

(KPDNHEP), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Operasi-operasi penguatkuasaan yang dijalankan adalah meliputi skop berkaitan halangan lalulintas dan kenderaan berat, pemeriksaan aktiviti perniagaan lesen berisiko dan tidak berisiko, pemeriksaan pasar pagi, pasar malam dan bazar perayaan, pemeriksaan aktiviti perniagaan yang dikelola oleh warga asing dan binaan tanpa kebenaran di atas tanah kerajaan.

Sepanjang Januari sehingga Julai 2022, sebanyak 155 operasi bersepadu telah dilaksanakan bersama agensi-agensi terlibat. Hasil operasi-operasi yang dijalankan, sebanyak 144 tindakan kompaun, 158, tindakan notis, 20 tindakan sitaan dan penutupan serta 48 perobohan struktur binaan tanpa kebenaran telah dilaksanakan. Operasi-operasi bersepadu ini akan dilaksanakan secara berterusan bagi menjamin kesejahteraan penduduk Petaling Jaya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu epidemiologi (ME) ke 29/2022 (17/07/2022-23/07/2022) adalah sebanyak 92 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 2,393 kes. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 6 peratus (%) daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 87 kes. Jumlah lokaliti wabak aktif adalah 52 lokaliti, iaitu 1 wabak baru, 33 lokaliti wabak terkawal, 4 lokalitii wabak tidak terkawal dan 14 lokaliti wabak *hotspot* dilaporkan. Tiada kes kematian baru yang dilaporkan.

Bagi memastikan kawalan dan pencegahan kejadian kes denggi lebih berkesan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran telah mengadakan perbincangan, mengenalpasti risiko di kawasan *hotspot*, kawalan dan operasi bersama-sama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling. Penglibatan komuniti dalam kawalan kejadian kes demam denggi juga turut digiatkan dengan mengadakan gotong-royong dan menubuhkan lagi pasukan SEDAR terutamanya di kawasan *hotspot*. Selain itu Jabatan turut meningkatkan usaha dalam memberi pendidikan kesihatan, membuka pondok panas serta operasi pemeriksaan rumah ke rumah pada waktu malam.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Kes-kes positif COVID-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di seluruh negara telah menunjukkan bilangan peningkatan. Tetapi pada akhir ME 29/2022, trend kes aktif harian COVID-19 yang dipantau secara maya (CAC maya) turun sejumlah 1.7 peratus (%) berbanding pada akhir ME 28/2022 (dari 71,326 ke 70,140 kes).

Manakala, bagi bilangan kes kematian pada ME 29/2022 pula menunjukkan peningkatan sebanyak 61.5 peratus (%) (39 kes kepada 63 kes) berbanding ME 28/2022. Meskipun negara telah berada dalam fasa peralihan ke endemik. Berdasarkan ini, adalah perlu diingatkan bahawa kes COVID-19 masih lagi menjadi musuh utama dan usaha memerangi penyakit COVID-19 masih berterusan. Diingatkan bahawa kes harian COVID-19 kini semakin meningkat dan individu yang tidak bergejala berkemungkinan menjadi pembawa virus COVID-19. Oleh yang demikian, masyarakat digalakkan untuk melakukan ujian sendiri.

Walaupun pemakaian pelitup muka di kawasan luar bangunan tidak lagi diwajibkan, namun orang ramai dinasihatkan supaya memakai pelitup muka di kawasan sesak bagi melindungi golongan yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak dari dijangkiti. Masyarakat Petaling Jaya adalah disur sentiasa mengamalkan kebersihan dengan kerap mencuci tangan, menjaga jarak fizikal dan segera mendapatkan rawatan sekiranya bergejala.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. AED (*Automated External Defibrillator*) merupakan satu alat perubatan yang digunakan untuk memberi kejutan elektrik kepada jantung dalam kes jantung terhenti (*sudden cardiac arrest*) akibat daripada serangan jantung. Ianya sangat mudah digunakan oleh komuniti walaupun tidak mempunyai latar belakang perubatan. Pada tahun 2018, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memperoleh alat AED sebanyak 8 unit dan telah ditempatkan di bangunan Majlis seperti Ibu Pejabat, Dewan Sivik, Lobi Utama Menara MBPJ, Tingkat 9 Menara MBPJ, Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara, Pusat Inovasi, Perpustakaan dan Muzium.

Namun begitu, komuniti Petaling Jaya masih kurang pendedahan kepada ilmu teknik ringkas *Cardiopulmonary Resuscitation* (CPR) dan penggunaan alat AED. Keadaan ini telah dicerminkan dalam data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020 yang mencatatkan kes kematian sebanyak 835 di kawasan Petaling akibat serangan jantung.

Untuk memastikan penggunaan AED lebih efisien dan berkesan dalam komuniti Petaling Jaya, Majlis bercadang untuk mewajibkan pemasangan AED di semua fasiliti Petaling Jaya seperti berikut:

- a) Pusat membeli-belah
- b) Hotel dan Tempat penginapan pelancong
- c) Bangunan Komersial
- d) Bagunan Industrial dan Kilang-kilang
- e) Taman hiburan (Theme Park)
- f) Kompleks Sukan
- g) Gym club & Fitness Center
- h) Dewan Serbaguna

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran dalam proses penyediaan garis panduan dan syarat-syarat untuk pemasangan AED di fasiliti tersebut. Latihan CPR dan penggunaan AED juga akan diberikan kepada komuniti dan penduduk tempatan selepas pemasangan.

Sekian, terima kasih.